

MINDA

Kem menerapkan nilai murni

Oleh Nas Norziela Nasbah
ffarhana@bh.com.my

■ Kuala Kubu Bharu

Seramai 384 orang pelajar sekolah menengah menyertai Kem Remaja Sinergi (KRS) baru-baru ini yang bertujuan menerapkan nilai terpuji, selain memberi pendedahan mengenai 'dunia baharu' bakal ditempuh selepas menamatkan Tingkatan Lima kelak.

Pengarah program itu, Encik Hafizi Abdul Aziz, berkata mereka adalah pelajar dari beberapa buah sekolah menengah kebangsaan (SMK), Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Polis Diraja Malaysia (PDRM), MRSM Pengkalan Chepa dan MRSM Alor Gajah.

Beliau berkata, penyertaan juga meliputi pelajar Sekolah Menengah

Sains (SMS) Tengku Muhammad Faris Petra, Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), SMS Pasir Putih dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Al-Irshad.

Program motivasi tahunan

"Objektif penganjuran ini ialah melahirkan pelajar mukmin yang serba boleh dan memiliki keterampilan untuk dunia serta akhirat."

"Alhamdulillah, peserta memperoleh maklum balas positif pada hari terakhir program," katanya.

Selain pelajar sekolah menengah, KRS yang merupakan program motivasi tahunan turut dijаяkan oleh sukarelawan dari institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta.

IPT terbabit ialah Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Sains Malay-



Encik Mat Nadzari (tengah) merakamkan kenangan manis bersama-sama peserta.

sia, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Teknologi PETRONAS, Universiti Kuala Lumpur dan Universiti SEGi.

Menguji ketahanan fizikal

Program itu dianjurkan oleh UTP Writing Group dengan kerjasama syarikat Neo Synergy Training Centre dan Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM).

Encik Hafizi berkata, antara aktiviti utama KRS ialah 'jungle trekking' di Bukit Menangis yang menguji ketahanan fizikal peserta.

"Melalui aktiviti itu, peserta



Peserta bersemangat mengikuti program KRS.

diberi pendedahan cara untuk menghadapi kesulitan ketika berada di dalam hutan, termasuk mengenali kegunaan dan khasiat beberapa jenis tumbuhan," katanya.

Majlis pelancaran program itu

disempurnakan oleh Pengurus YDKMM, Encik Aiman Ahmad Adlan, manakala upacara penuh dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batang Kali, Encik Mat Nadzari Ahmad Dahlan.

INFO

SEMINAR PT3 BH MINDA 2015

CALON Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) di seluruh negara berpeluang mendapatkan bimbingan peperiksaan daripada guru pakar dan berpengalaman menerusi Seminar PT3 BH Minda 2015.

Peserta program dua hari itu akan diberikan tip penting, termasuk pendedahan kepada soalan berkonsepkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Yuran ialah sebanyak RM130 dengan peserta turut disediakan nota, folder, sijil penyertaan dan makan tiga kali sehari. (Kadar yuran akan berubah apabila GST dilaksanakan)

Pendaftaran boleh dilakukan menerusi ejen Seminar PT3 BH Minda untuk menyertai program di lokasi seperti dalam jadual berikut:

- **KUALA LUMPUR - 7 & 8 Mac.** Hubungi: 03-2056 9863 / 9284
- **IPOH - 14 & 15 Mac.** Hubungi: 016-309 7373 / 013-325 8383
- **BANGI - 14 & 15 Mac.** Hubungi: 013-206 6004
- **SEREMBAN - 14 & 15 Mac.** Hubungi: 019-635 7322
- **SKUDAI (UTM) - 20 & 21 Mac.** Hubungi: 019-771 2512
- **SHAH ALAM - 11 & 12 April.** Hubungi: 012-311 8676
- **TAIPING - 25 & 26 April.** Hubungi: 013-530 3470 / 019-364 4124
- **NILAI - 2 & 3 Mei.** Hubungi: 012-303 1032
- **TERENGGANU - 8 & 9 Mei.** Hubungi: 017-974 2000
- **KOTA KINABALU (UMS) - 30 & 31 Mei.** Hubungi: 019-812 0133
- **GOMBAK - 30 & 31 Mei.** Hubungi: 013-206 6004
- **BANGI - 6 & 7 Jun.** Hubungi: 013-206 6004
- **SINTOK (UUM) - 12 & 13 Jun.** Hubungi: 019-471 9675 / 017-830 1229
- **KLANG - 1 & 2 Ogos.** Hubungi: 019-344 7981
- **KUANTAN - 8 & 9 Ogos.** Hubungi: 019-939 1024
- **KUCHING - 29 & 30 Ogos.** Hubungi: 013-808 8406
- **KUALA LUMPUR - 19 & 20 September.** Hubungi: 03-2056 9863 / 9284



Pengetua Cemerlang Sekolah Seri Puteri di Cyberjaya, Puan Siti Rogayah Yahya (tengah), merakamkan kenangan bersama-sama anggota SP Winds.



Sebahagian daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Baru Uda, Johor Bahru, gembira menerima bantuan persekolahan RM100 yang diperuntukkan oleh kerajaan.

